

## Ajinomoto anjur program interaktif, akademik secara maya

**PETALING JAYA** – Ajinomoto (Malaysia) Berhad (Ajinomoto) menggalakkan masyarakat untuk meningkatkan tahap kesihatan secara konsisten melalui program interaktif dan akademik secara maya.

Menurut Ajinomoto, program, Eat Well, Live Well yang dianjurkan melalui aplikasi Zoom itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan hidangan harian yang sihat dan enak.

“Sepanjang program berkenaan, para peserta akan berpeluang menerokai maklumat mengenai Umami dan fakta

Monosodium Glutamat (MSG) serta demonstrasi penyediaan dua jenis hidangan yang menggunakan udang harimau dengan sos labu di samping nasi goreng bersama aneka daging.

Orang ramai digalakkan menyertai program tersebut dan mereka berpeluang untuk memenangi sebuah ketuhar elektrik bernilai sehingga RM200.

“Kongsikan maklumat ini bersama keluarga dan rakan-rakan anda untuk turut serta,” katanya dalam kenyataan yang dikeluaran baru-baru ini.

Program tersebut akan diada-



PROMOSI program pendidikan dan demonstrasi memasak makanan sihat Ajinomoto yang akan bermula pada akhir minggu ini.

kan pada 12 Mac ini pada pukul 10 pagi yang diadakan dalam bahasa Inggeris, 17 Mac pukul tiga petang (Bahasa Malaysia) dan 26 Mac pukul 10 pagi (Bahasa Inggeris).

Menurut Ajinomoto, tabiat cara hidup sihat, Eat Well, Live Well telah memberi makna yang mendalam kepada rakyat untuk mengamalkan cara memasak dan pemakanan sihat untuk semua peringkat umur.

“Kami berharap masyarakat akan terus menggalakkan amalan sihat ini demi kesejahteraan masyarakat melalui inisiatif Kumpulan,” jelasnya.